

Permintaan MCA P. Pinang ditolak

UM 15 DEC 1999
Oleh ZULIFU JALIL

KUALA LUMPUR 14 Dis. — Pucuk pimpinan tertinggi Barisan Nasional (BN) memutuskan bahawa status quo sedia ada bagi kedudukan pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang dikekalkan, mengakhiri kemelut politik 13 hari antara MCA-Gerakan yang berebut jawatan politik negeri itu.

Ini bermakna jawatan Ketua Menteri yang disandang oleh Gerakan tidak akan digilirkan.

Timbalan Ketua Menteri tetap kekal dipegang oleh UMNO manakala kedudukan barisan Exco yang dipersetujui kekal iaitu dua kerusi untuk MCA, UMNO dan Gerakan masing-masing tiga dan MIC (satu).

Menurut sumber tinggi BN, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN sudah memaklumkan keputusan itu kepada Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.

Dr. Koh akan mengumumkan nya di Pulau Pinang esok.

“Krisis sudah selesai. Keadaan kembali seperti sedia kala. Tak ada perubahan status quo,” kata sumber itu kepada Utusan lewat petang ini.

Krisis politik di Pulau Mutiara itu bermula 2 Disember lalu apabila dua Ahli Dewan Undangan Negeri BN dari Gerakan, Lim Chien Aun dan Lim Boo Chang, yang baru menang dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 November lalu keluar dari parti.

Tindakan itu menjadikan wakil rakyat RN dari Gerakan kini ting-

gal lapan orang, MCA kekal sembilan, daripada UMNO, 10 orang dan MIC, seorang.

MCA yang mengulas tindakan wakil rakyat Gerakan itu menyatakan kesediaan menerima mereka “sekiranya langkah itu dapat mengelakkan mereka daripada menyertai pembangkang.”

Tempias tindakan dua wakil rakyat Gerakan itu kemudian berlarutan membawa tuntutan MCA terhadap jawatan Ketua Menteri tetapi ‘diperlembutkan’

■ Lihat muka 8

Pemintaan MCA P. Pinang ditolak

UM 15 DEC 1999

selepas itu, dengan tuntutan kerusi Timbalan Ketua Menteri II dan tambahan Exco negeri.

Mesyuarat Majlis Presiden MCA semalam tetap tidak berganjak dengan pendirian parti itu manakala Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik memberi amaran kepada MCA bahawa semangat kerjasama dalam BN mungkin musnah jika “fenomena tarik menarik” di Pulau Pinang, dibenarkan.

Menurut sumber itu lagi, UMNO sungguhpun

memenangi banyak kerusi pada pilihan raya umum lalu tidak mahu mencampurikan krisis politik Pulau Pinang kerana “tidak mahu menimbulkan keibutan yang menguat perpaduan BN.”

“Isu ini tidak sepatutnya diheboh-hebohkan. MCA selaku parti komponen BN sepatutnya berpakat dulu dengan UMIO selaku ketua BN kemulian dengan Gerakan (yang menerajui Pulau Pinang).

“Ia bukan dengan mencetuskan keributan seperti ini,” katanya.